

## KORELASI SISTEM CATATAN BERGU TERHADAP MINAT PELAJAR DALAM KURSUS PERAKAUNAN

Nor Maizura Othman<sup>1</sup>, Norimah Annuar @ Mohd Tahir<sup>2</sup>

Politeknik Hulu Terengganu

<sup>1</sup>[maizura@pht.edu.my](mailto:maizura@pht.edu.my),

<sup>2</sup>[norimah@pht.edu.my](mailto:norimah@pht.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengetahui korelasi pengetahuan asas dan tahap pemahaman pelajar terhadap sistem catatan bergu yang boleh menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus perakaunan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan diukur melalui Skala Likert. Seramai 22 orang pelajar semester dua daripada program Diploma Akauntansi, Politeknik Hulu Terengganu telah dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Responden ini dipilih kerana mereka telah mengikuti kursus DPA10013 Perakaunan Kewangan 1 pada semester satu yang merupakan kursus asas perakaunan. Data-data yang diperoleh dianalisis melalui program *Statistical Package for the Social Science Version 21.0 (SPSS) v21.0*. Hasil dapatan kajian mendapatkan bahawa lebih separuh daripada responden iaitu dengan nilai min 3.45 mempunyai pengetahuan asas perakaunan. Responden menunjukkan minat dan suka kepada kursus perakaunan dengan nilai min 4.36. Walau bagaimanapun, didapati responden kurang memahami prinsip asas dan peraturan catatan bergu serta menghadapi masalah untuk menentukan kesilapan catatan bergu dengan nilai min kurang dari 4.00. Keputusan analisa ini menunjukkan pelajar berminat terhadap kursus perakaunan dan pemahaman pelajar boleh ditingkatkan dengan menggunakan kaedah penyampaian yang lebih mudah difahami oleh pelajar.

**Kata kunci:** Catatan Bergu, Minat, Kursus Perakaunan

### 1. Pengenalan

Perakaunan merupakan proses merekod, meringkas, mengklasifikasikan dan menganalisis transaksi kewangan sesebuah entiti perniagaan kepada pengguna seperti pemegang saham dan pengurus. Ia juga merupakan satu cabang sains dan matematik dalam mencari punca kejayaan dan kegagalan dalam perniagaan dengan menggunakan kaedah perakaunan yang bertujuan memastikan ketepatan laporan kewangan syarikat.

Prinsip asas perakaunan adalah berdasarkan sistem catatan bergu. Sistem ini merupakan satu peraturan dalam aktiviti simpan kira untuk menjadikan sesuatu urusniaga itu dicatat dengan teratur serta terkawal dalam memastikan data yang dicatat dan direkod adalah tepat. Setiap urusniaga akan direkodkan dalam sekurang-kurangnya dua akaun lejar yang berasingan dengan amaun yang sama iaitu satu akaun yang didebitkan dan satu lagi akaun yang dikreditkan.

Pengetahuan asas perakaunan yang diperolehi oleh seseorang pelajar boleh membantu prestasi keputusan peperiksaan seseorang pelajar. Menurut Doran dan Bouillon (1991) mendapati pengetahuan dalam asas simpan kira dapat membantu dalam prestasi pelajar di peringkat awal kursus perakaunan. Waples dan Darayseh (2005) perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan mempengaruhi prestasi dalam subjek perakaunan pertengahan. Kajian Richter (2006) pula mendapati prestasi di peringkat sekolah merupakan faktor utama menentukan kejayaan pelajar di peringkat universiti.

Perakaunan merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Hulu Terengganu. Bermula pada semester satu pelajar akan mempelajari asas perakaunan melalui kursus DPA10013 Perakaunan Kewangan 1. Hasil maklumbalas pensyarah yang mengajar kursus tersebut didapati keputusan penilaian berterusan pada awal semester kurang memuaskan terutama pada topik sistem catatan bergu. Penyelidik mendapati terdapat pelajar masih lagi gagal membezakan penggunaan dan kedudukan debit dan kredit. Topik ini amat penting agar pembelajaran dan pengajaran untuk topik seterusnya adalah mudah untuk difahami.

Merujuk kepada masalah ini maka wajarlah satu kajian dijalankan bagi melihat tahap pengetahuan asas dan pemahaman pelajar dalam sistem catatan bergu boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus perakaunan. Khairul Anwar (2014) kesediaan seorang pelajar dalam mencapai sesuatu tahap yang telah ditetapkan untuk menguasai sesuatu tugas yang berkesan di mana bergantung kepada kematangan dan pengalaman individu dalam melakukan sesuatu perkara.

Menurut Ismail Sulaiman (2005) minat adalah satu elemen yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar, justeru itu seseorang pelajar akan mempunyai semangat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dihajati jika timbul minat dalam diri mereka. D.P. Tampubolon (2008) pula berpendapat minat belajar merupakan perpaduan antara keinginan dan kemampuan yang dapat berkembang jika ada minat. Manakala Zaini Hussein (2003), minat sebagai memahami apa-apa yang dilakukan mempunyai skil, berupaya bekerja sendiri dan dalam kumpulan, berkebolehan merekacipta dan berkeyakinan menyelesaikan masalah.

Nur Syazwani dan Anis Barieyah (2018), menegaskan mempelajari subjek perakaunan memerlukan pelajar memahami teknik atau pendekatan pembelajaran yang baik agar pemahaman dapat diserap pelajar secara berkesan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti korelasi sistem catatan bergu terhadap minat pelajar dalam kursus perakaunan. Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan asas pelajar terhadap sistem catatan bergu, mengenalpasti tahap pemahaman pelajar terhadap sistem catatan bergu dan mengenalpasti minat pelajar terhadap pembelajaran perakaunan.

## 2. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah secara pengumpulan data melalui agihan borang soal selidik sebagai instrumen kajian.

### 2.1 Soal Selidik Kajian

Kajian ini mempunyai satu set soalan yang diajukan kepada responden yang terdiri daripada pelajar semester dua program Diploma Perakaunan. Soal selidik ini dijalankan sebagai instrumen untuk mengumpul maklumat daripada responden secara menyeluruh.

Borang soal selidik tersebut diagihkan kepada beberapa item iaitu bahagian A mengenai maklumat am responden seperti jantina, umur dan bangsa. Bahagian B pula mengandungi lima soalan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan asas pelajar terhadap catatan bergu. Bahagian C pula mengandungi lima soalan untuk mengenalpasti tahap pemahaman pelajar terhadap catatan bergu dan bahagian D mengandungi enam soalan untuk mengenalpasti minat pelajar terhadap pembelajaran perakaunan.

Soal selidik yang perlu dijawab oleh responden digubal berdasarkan Skala Likert seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 agar para responden dapat membuat satu pilihan yang tepat terhadap item tersebut.

Jadual 1 : Skala Likert

Skala	Maklumbalas
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Proses pengumpulan data telah dilaksanakan bersama-sama analisis data. Data dikumpul dan dibuat analisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science Version 21.0 (SPSS) v21.0. Penyelidikan yang dibuat melalui sistem SPSS adalah untuk membuat pengukuran statistik deskriptif min.

## 2.2 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri dari 22 responden pelajar semester dua Diploma Akauntansi, Politeknik Hulu Terengganu iaitu 16 orang pelajar perempuan dan 6 orang pelajar lelaki.

## 3. Dapatan Kajian

Pengetahuan asas pelajar

Jadual 2: Mengenalpasti tahap pengetahuan asas pelajar terhadap sistem catatan bergu.

BIL	ITEM	MIN
B1	Saya mempunyai pengetahuan asas dalam perakaunan sebelum mengambil kursus ini.	3.45
B2	Saya tahu kedudukan debit dan kredit semasa membuat akaun.	4.05
B3	Jumlah catatan sebelah debit dan kredit mestilah sama pada setiap masa.	4.23
B4	Catatan bergu digunakan untuk mengesan ketepatan rekod urusniaga.	3.91
B5	Peraturan catatan bergu ialah debit satu akaun dan kredit satu akaun yang lain.	4.05

Berdasarkan Jadual 2, nilai min 3.45 menunjukkan sebahagian pelajar yang mengambil kursus perakaunan telah mempunyai pengetahuan asas sebelum ini. Item B2, B3 dan B5 menunjukkan nilai min yang tinggi di mana kebanyakan pelajar menunjukkan mereka mengetahui konsep asas sistem catatan bergu. Manakala bagi item B4 iaitu dengan nilai min 3.91 menunjukkan pelajar bersetuju bahawa catatan bergu boleh digunakan untuk mengesan ketepatan rekod urusniaga.

Jadual 3: Mengenalpasti tahap pemahaman pelajar terhadap catatan bergu.

BIL	ITEM	MIN
C1	Saya faham prinsip asas catatan bergu.	3.73
C2	Saya faham cara merekod ke dalam akaun lejar.	4.05
C3	Saya dapat menentukan dengan mudah akaun tersebut samada dicatat disebelah debit atau kredit.	4.05
C4	Saya dapat mengenalpasti kesilapan catatan yang menyebabkan akaun tidak seimbang.	3.73
C5	Saya memahami peraturan catatan bergu jika sesuatu akaun itu bertambah atau berkurang.	3.77

Jadual 3 menunjukkan item C1 dan C4 dengan nilai min 3.75 iaitu terdapat sebahagian pelajar kurang memahami prinsip asas catatan bergu dan sukar untuk mengenalpasti kesilapan catatan yang menyebabkan akaun tidak seimbang. Nilai min yang tinggi bagi item C2 dan C3 menggambarkan pelajar faham cara merekod dan dapat mengenalpasti dengan mudah catatan di sebelah debit atau kredit.

Jadual 4: Mengenalpasti minat pelajar terhadap pembelajaran perakaunan.

BIL	ITEM	MIN
D1	Saya suka kursus pengiraan seperti kursus Perakaunan Kewangan 1.	4.36
D2	Saya sentiasa memberi tumpuan semasa pensyarah mengajar.	4.05
D3	Saya sentiasa hadir ke kelas Perakaunan Kewangan 1	4.41
D4	Saya mampu menyiapkan latihan tutorial yang diberikan pensyarah.	4.14
D5	Saya akan bertanya pensyarah dan kawan-kawan apa yang saya tidak faham.	4.45
D6	Program Diploma Akauntansi adalah pilihan saya.	4.77

Hasil dapatan analisa Jadual 4 menunjukkan majoriti pelajar meminati kursus perakaunan dan memilih kursus ini sebagai pilihan dengan nilai min 4.77. Pelajar bersetuju untuk bertanya kepada pensyarah dan kawan-kawan sekiranya mereka tidak faham sesuatu perkara dalam kursus tersebut iaitu nilai minnya 4.45. Mereka juga menunjukkan kesungguhan untuk sentiasa hadir ke kelas dengan dapatan nilai min 4.41 dan nilai min 4.36 menunjukkan pelajar suka kursus pengiraan. Manakala nilai min 4.05 dan 4.14 menunjukkan pelajar memberi tumpuan dan mampu menyiapkan latihan tutorial.

### 3.1 Perbincangan

Pengetahuan asas dan pemahaman pelajar terhadap sistem catatan bergu tidak mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus perakaunan. Pelajar sememangnya meminati kursus perakaunan oleh kerana Program Diploma Akauntansi adalah pilihan mereka sendiri dan sukakan kursus berbentuk pengiraan. Menurut Garkaz et al. (2011) pelajar yang berminat dalam bidang perakaunan beroleh prestasi yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang tidak berminat. Pelajar-pelajar yang kurang memahami sistem catatan bergu adalah disebabkan oleh kelemahan mereka sendiri, jadi pensyarah perlulah mengenalpasti pelajar tersebut dan mengambil inisiatif menggunakan pendekatan yang bersesuaian untuk meningkatkan kefahaman mereka.

#### 4. Kesimpulan

Dapatkan kajian ini menunjukkan sekiranya seseorang pelajar itu meminati kursus perakaunan walaupun tidak mempunyai pengetahuan asas sistem catatan bergu mereka masih boleh memahami kursus tersebut melalui usaha yang lebih bagi memastikan pemahaman mereka dapat ditingkatkan. Justeru itu, pensyarah perlulah sentiasa kreatif dalam menyampaikan pembelajaran dan pengajaran yang menarik agar pemahaman pelajar terhadap sistem catatan bergu dapat ditingkatkan. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut dijalankan terhadap teknik dan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian agar pelajar lebih mudah memahami terutamanya asas perakaunan iaitu sistem catatan bergu.

#### Rujukan

Doran, B. M. & Bouillon, M. L. 1991. *Determinants Of Student Performance In Accounting Principles I And II. Issues In Accounting Education*, 6(1), 74-85.

D.P. Tampubolon 2008. Mengembangkan Minat Membaca Pada Anak. Bandung: Angkasa.

Garkaz M, Banimahd B, Esmaeili H 2011. *Factors Affecting Accounting Students' Performance: The Case Of Students At The Islamic Azad University. Procedia - Social And Behavioral Sciences*, 29: 122 -128

Ismail Bin Sulaiman 2005. "Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar-Pelajar Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan 2 Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian". Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, UTM:Tesis .

Khairul Anwar. 2014. Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institusi Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar.

Nur Syazwani dan Anis Barieyah. 2018. Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar Diploma Perakaunan Dalam Subjek Perakaunan. Pahang : Universiti Teknologi MARA Pahang.

Ritcher, A. 2006. *Intertemporal Consistency Of Predicators Of Student Performance: Evidence From A Business Administration Program. Journal Of Education For Business*. 82(2), 88-93.

Waples, E. & Daraiseh, M. 2005. *Determinants Of Students' Performance In Intermediate Accounting. Journal Of College Teaching & Learning*, 2(12), 87-91.

Zaini Hussein. 2003. Minat: Bagaimana Menyedari Dan Mengembangkannya. Kuala Lumpur: Insitut Tadbiran Awam Negara (INTAN).